

1 September 2009 (Selasa)

Rencana- Syor Felda, Felcra, Risda bergabung tingkat ekonomi peneroka

Oleh Jami'ah Shukri jamia@bharian.com.my

Malaysia akan miliki ladang terbesar di dunia jika tiga agensi pertanian beroperasi sebagai konsortium

CADANGAN supaya tiga agensi pertanian terbesar negara iaitu Felda, Felcra dan Risda bergabung mewujudkan konsortium bagi menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi secara perkongsian, dilihat berupaya membesarkan kek ekonomi demi kepentingan peneroka dan negara keseluruhannya. Ternyata ketiga-tiga agensi itu mempunyai kekuatan dari segi pengalaman dan sumber masing-masing yang mampu menjadi titik tolak penstrukturan semula agensi itu supaya lebih berdaya maju dan bertaraf global.

Malah, cadangan Datuk Seri Najib Razak mewujudkan konsortium itu menggambarkan Perdana Menteri begitu berpandangan jauh apabila melihat potensi yang besar bakal diperoleh ketiga-tiga agensi itu apabila bergabung melaksanakan projek tertentu. Sekiranya, Felda yang bertanggungjawab terhadap 112,000 peneroka tanah rancangan, 235,000 pekebun kecil (Risda) manakala Felcra terbabit dengan 78,000 peserta dalam penyusunan semula tanah di seluruh negara digabung sebagai sebuah konsortium, sudah pasti Malaysia bakal memiliki tanah atau ladang paling besar di dunia, sekali gus berpotensi menjadi syarikat konglomerat global.

Idea Najib menggabungkan konsortium itu dianggap sebagai penyambung visi ayahandanya, Tun Abdul Razak Hussein yang memberi tumpuan terhadap pembangunan sosioekonomi serta kebajikan golongan Bumiputera. Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, berkata penggabungan itu sebagai jentera yang paling berkesan untuk memaksimumkan semua aset yang dimiliki oleh ketiga-tiga agensi berkenaan. Felda sendiri, katanya, mampu memberi sumbangan kerana mempunyai ruang yang banyak untuk diterokai jika dilaksanakan secara bersendirian.

Beliau berkata, Felda saja mempunyai keluasan tanah 8,500 hektar dan dianggap paling besar di kalangan dua agensi lain. Bagaimanapun, dengan penubuhan konsortium itu nanti, peranan ketiga-tiga agensi itu bukan saja dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan menguntungkan, malah jika digabungkan keluasan tanah atau ladang Risda dan Felcra, ia menjadi jumlah yang sangat besar dan dipercayai terbesar di dunia.

Pada masa sama, katanya, banyak kegiatan boleh dilaksanakan secara bersama, terutama dari segi pengeluaran produk baru dan projek hiliran yang bakal membawa manfaat besar kepada masyarakat dan negara. "Ini adalah satu era yang penting untuk mengelak agensi

itu terus kekal statik tanpa ada sebarang penyusunan atau penstrukturan baru mengikut kehendak swasta," katanya.

Mohd Yusof berkata, konsortium itu juga mampu menerokai pelbagai jenis aktiviti sama ada dalam aktiviti perladangan dan projek hiliran dengan kerjasama ketiga-tiga agensi berkenaan. Malah, Felra dari segi kakitangan mempunyai kekuatan seramai 22,000 orang dan apabila digabungkan dengan dua agensi, sudah pasti menjadi jumlah yang begitu besar serta mampu menyumbang kepada sumber tenaga kerja. "Ini menjadikan kekuatan kepada kita dengan melaksanakan projek lebih besar dengan mewujudkan produk baru. Sebagai contoh, kita boleh wujudkan projek pengeluaran Vitamin E (diperbuat dari bahan kelapa sawit). Jika dibuat secara bersendirian agak sukar kerana memerlukan kos yang amat tinggi.

"Malah, doktor juga sudah menyatakan keperluan Vitamin E dalam sistem kesihatan kita. Jika ia dilakukan dengan angka yang besar, ia boleh dipasarkan untuk kegunaan tempatan dan eksport. Felra dan Felra mempunyai ladang dan jika kita ambil produk daripada ladang mereka, kita boleh mendirikan sebuah kilang yang besar. Sebagai contoh Felra saja mempunyai 71 kilang memproses dan penapisan kelapa sawit. "Felra ada banyak bahan terbuang hasil daripada ladangnya. Gabungan ini menjadikan ia sebagai rangkaian yang lebih efektif," katanya.

Mohd Yusof berkata, Felra jika dibandingkan dengan dua agensi itu memang lebih besar, iaitu jika dulu bergantung kepada geran kerajaan, tetapi sejak mampu berdiri sendiri pada 1996, ia berupaya mengendalikan ladang sawit dan getah secara bersendirian atas kekuatan pengurusan sendiri. Felra, tambahnya juga sudah mula meneroka aktiviti di luar negara iaitu menerusi jalinan kerjasama Tabung Haji membuka ladang sawit di Kalimantan, Indonesia dengan permulaan projek membabitkan keluasan 57,000 hektar tetapi keluasannya disasarkan sehingga mencecah 200,000 hektar pada masa akan datang.

Sementara itu, Pengerusi Felra, Datuk Tajudin Abdul Rahman, sependapat bahawa penggabungan tiga konsortium itu langkah terbaik untuk melakukan lebih banyak program pembangunan, berkeupayaan meneroka peluang dan rangkaian baru yang lebih besar dalam apa juga bidang kerana masing-masing ada kekuatan dan pengalaman tersendiri. Katanya, ketiga-tiga agensi ini mampu mendapatkan manfaat dari segi mewujudkan pengurusan yang cekap, berpengalaman termasuk dari segi melahirkan lebih banyak produk dan program baru, memperluaskan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Program perladangan, pertanian dan pembangunan tanah serta pembasmian kemiskinan yang dilakukan oleh ketiga-tiga agensi ini dapat dilakukan secara bersama. "Kita ada banyak sumber yang boleh difikirkan sebagai produk baru untuk menjana ekonomi yang lebih besar pada peringkat domestik dan global selain meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar dan miskin. "Kita mengeluarkan kelapa sawit, getah dan padi. Tetapi ia tidak dikembangkan sebagai produk yang boleh menambah nilainya. "Felra adalah agensi yang sangat besar dan hebat dari segi rangkaian hubungan, sumber dan aktiviti luas. Malah dalam bidang perladangan dan perhotelan, mereka sudah memasuki pasaran global," katanya.

Justeru, beliau menegaskan apabila penggabungan operasi itu dilakukan, ia mampu menjadi sebuah syarikat konglomerat yang berdaya saing, sekali gus mewujudkan lonjakan yang lebih hebat untuk maju ke hadapan dalam bidang perniagaan di luar negara. Contohnya projek membuat baja organik boleh dilaksanakan dengan jaya jika wujud gabungan itu yang dapat mengeluarkan produk banyak serta menjimatkan kos. "Ketika ini, Malaysia mengimport baja kimia RM5 bilion setahun dari Russia, Mesir dan Indonesia untuk keperluan peladang di negara ini. Ini satu kerugian dari segi aliran mata wang asing, sedangkan ia pula baja kimia. Jika kita keluarkan baja organik lebih berkualiti dari segi nilai tambah kepada tanaman," katanya.

Ladang Felcra katanya, menggunakan baja kimia bernilai RM3 juta setahun dan ketika ini agensi itu ada mengusahakan pengeluaran baja organik tetapi untuk keperluan penerokanya saja. Keluasan ladang kelapa sawit dikendalikan Felcra seluas 2,400 hektar; getah 240,000 hektar ekar manakala padi 8,000 hektar dengan kekuatan sumber tenaga seramai 3,000 kakitangan.

1 September 2009 (Selasa)

Musa perjelas tindakan beku akaun Kuala Dimensi

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim jalal@bharian.com.my

Polis siasat laporan salah guna kuasa, tuntutan berlebihan

KUALA LUMPUR: Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata polis mempunyai sebab membekukan akaun bank syarikat pemaju Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn Bhd (Kuala Dimensi) bernilai RM140 juta berdasarkan siasatan dilakukan. Beliau menegaskan tindakan itu tiada kena mengena dengan campur tangan mana-mana pihak, sebaliknya dibuat atas kerana siasatan semata-mata. "Kita siasat sebab ada keterangan dan kita bekukan akaun syarikat itu sebab ada petunjuk yang memerlukan kita berbuat demikian, ini tiada kaitan politik," katanya di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan pihak pengurusan Kuala Dimensi mereka akan mencabar tindakan polis membeku akaun bank syarikat itu jika didapati ia dilakukan hanya berasaskan syak wasangka yang melampau. Timbalan Ketua Eksekutifnya, Datuk Faizal Abdullah, dilaporkan berkata syarikat akan memberi kerja sama pada polis, tetapi pada masa sama mereka mahu pastikan tindakan itu dilakukan bukan kerana tekanan mana-mana pihak. Sehubungan itu, panel peguam syarikat terbabit kini mengkaji tindakan polis itu sebelum sebarang keputusan dilakukan.

Polis membeku bank akaun Kuala Dimensi sejak Khamis lalu bagi membolehkan pihak polis menyiasat laporan salah guna kuasa dan tuntutan bayaran berlebihan yang dibuat oleh kontraktor berkenaan. Kuala Dimensi menjadi tumpuan baru-baru ini selepas ia

didakwa mengenakan caj berlebihan terhadap Pelabuhan Klang bagi projek PKFZ, menyebabkan lembaga itu dan projek berkenaan menanggung kerugian.

Musa berkata, polis sedia berhadapan sebarang tindakan yang mungkin diambil Kuala Dimensi terhadap pasukan itu berhubung pembekuan akuan bank terbabit. "Saya tidak mahu cakap banyak-banyak dalam surat khabar sebab kes itu sedang siasat. "Kalau mereka rasa tak puas hati, mereka boleh minta peguam mereka ambil tindakan melalui saluran betul tetapi saya tegaskan di sini kita hanya menjalankan siasatan. Saya sendiri pun belum lagi cakap siapa yang bersalah," katanya.

2 September 2009 (Rabu)

Sabah&Sarawak: Penubuhan konsortium bela nasib pekebun kecil

Oleh Mohd Azrone Sarabatin azrone@bharian.com.my

Pelbagaikan kegiatan perkongsian ekonomi seperti dicadangkan Perdana Menteri

KOTA KINABALU: Nasib pekebun kecil getah dan kelapa sawit di Sabah diyakini lebih terjamin menerusi penggabungan tiga agensi pertanian terbesar negara iaitu Felda Berhad, Felcra Berhad dan Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) bagi mewujudkan konsortium menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi secara perkongsian seperti dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Yang Dipertua Yayasan Awadnir, Awadnir Matanggal, berkata ramai pekebun kecil hidup miskin kerana bergantung kepada penjualan hasil kelapa sawit dan getah kepada orang ketiga yang membelinya pada harga rendah.

Pada masa sama, katanya, kebun kecil dikesan tidak produktif untuk membebaskan keluarga daripada belenggu kemiskinan kerana pengeluaran sekadar cukup makan. "Kewujudan konsortium akan memudahkan pekebun kecil bergabung dengan pekebun lain dan tidak perlu menjual hasil kebun mereka kepada pihak ketiga yang ada ketikanya mencekik darah. "Kami harap cadangan ini dapat dilaksanakan segera bagi membela nasib pekebun terutama di luar bandar dan pedalaman Sabah," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Ahad lalu, Najib mencadangkan tiga agensi pertanian terbesar negara iaitu Felda, Felcra dan Risda bergabung mewujudkan konsortium bagi menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi secara perkongsian, sekali gus meningkatkan pendapatan peneroka dan pekebun kecil.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah meminta ketua eksekutif dan pengerusi ketiga-tiga agensi itu menemuinya bersama Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Shafie Apdal bagi membincangkan bagaimana gabungan dan perkongsian itu boleh dilaksanakan.

Awadnir yang juga Yang dipertua Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Sabah

berkata, berdasarkan maklum balas di beberapa kampung di luar bandar Sabah seperti Kota Marudu dan Pitas, ramai pekebun kecil getah dan kelapa sawit mahu penubuhan konsortium itu disegerakan. Katanya, mereka yakin ekonomi lebih terjamin menerusi kewujudan konsortium berbanding kaedah pertanian secara tradisional sekarang.

Beliau berkata, beberapa pekebun kecil yang ditemui sedia bergabung dengan syarat mendapat manfaat daripada operasi konsortium terbabit. Sementara itu, Ahli Parlimen Silam, Salleh Kalbi, berkata penubuhan konsortium berkenaan mampu mewujudkan jaringan kerjasama ekonomi dan peluang pekerjaan. Katanya, idea penggabungan berkenaan memanfaatkan rakyat dengan mengambil kira fungsi dan hala tuju ketiga-tiga agensi berkenaan selepas puluhan tahun penubuhannya. "Ia meliputi manfaat konsortium itu kepada golongan peneroka, projek yang bakal dilaksanakan dan mengelak pertindihan fungsi tiga agensi berkenaan," katanya.

3 September 2009 (Khamis)

Sentral: Pemaju diarah siap kerja geoteknikal

Oleh Nor Azma Laila norazma@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Pemaju projek beli-belah di Jalan San Peng, di sini, perlu menyiapkan langkah penahanan geoteknikal terlebih dulu bagi membolehkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menarik balik perintah pemberhentian kerja pembinaan. Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata cadangan itu dibuat DBKL untuk memastikan kawasan sekitar tempat kejadian adalah selamat dan kejadian tanah mendap tidak berlaku pada masa depan. "Cadangan ini sudah sampai kepada pemaju dan mereka sedang melaksanakan kerja penahanan. Jika semua langkah penahanan itu sudah disiapkan dan keseluruhan kawasan selamat, kerja pembinaan boleh dimulakan semula.

"Bagi memastikan kawasan pembinaan tidak terbiar dan mengundang sebarang kejadian buruk lain, kita sudah benarkan mereka jalankan kerja pembinaan di kawasan tertentu yang dipastikan selamat. Cuma kawasan yang berlaku mendapan saja tidak boleh diteruskan kerja pembinaan sehingga langkah penahanan selesai dilakukan. "Bagaimanapun, kita tidak meletakkan sebarang tarikh atau tempoh untuk mereka menyiapkan kerja penahanan ini kerana mahu ia disiapkan dengan sebaik mungkin, bukan secara tergesa-gesa yang kemungkinan boleh menyumbang sebarang kejadian tidak diingini lagi pada masa depan," katanya. Katanya, kementerian menyerahkan kepada DBKL untuk sebarang tindakan lain sekiranya didapati pemaju dan kontraktor lalai dalam menjalankan kerja pembinaan projek pusat beli-belah berkenaan.

3 September 2009 (Khamis)

Negara tetap beli helikopter EC-725 Cougar

Oleh Hardi Effendi Yaacob hardi@bharian.com.my

Meterai perjanjian di Lima 2009

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersedia meneruskan semula pembelian helikopter EC-725 Cougar buatan firma Perancis, Eurocopter selepas hampir dua tahun ditangguhkan akibat kekangan ekonomi. Sumber Kementerian Pertahanan memberitahu, satu perjanjian akan ditandatangani berhubung pembelian pesawat itu sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2009 (Lima 2009), Disember ini. Katanya, pembelian akan dilakukan secara berperingkat membabitkan tempahan lapan hingga 10 unit, dengan penghantarannya akan dibuat kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tahun depan.

"Ia bagi menggantikan Sikorsky S61-A4 Sea King atau Nuri yang sudah terlalu lama digunakan dan semakin uzur. Sepatutnya rancangan ini dilaksanakan tiga tahun lalu tetapi ditangguhkan atas sebab yang tidak dapat dielakkan. "Namun, kerajaan membuat keputusan menyambung semula pembelian EC-725 Cougar selepas mendapati ia menepati keperluan semasa, terutama untuk kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)," katanya kepada Berita Harian.

Pesawat Nuri mula digunakan di Malaysia pada 1968, yang pada peringkat awalnya berperanan memberi bantuan logistik kepada Tentera Darat sebelum diperluaskan untuk operasi mencari dan menyelamatkan, selain bantuan kemanusiaan. Bagaimanapun, hanya 30 pesawat itu masih beroperasi setakat ini, dengan 28 daripadanya digunakan untuk tujuan pelbagai guna dan dua untuk tujuan tata rajah komunikasi. Sejak memulakan operasinya 40 tahun lalu, 18 nahas pesawat itu direkodkan membabitkan 95 kematian, dengan kejadian terbaru pada 13 Julai 2007 mengorbankan dua juruterbang dan empat anak kapal.

Berikutan itu, kerajaan membuat keputusan menggantikan pesawat berkenaan yang mendapat jolokan 'Keranda Terbang' dengan pesawat lebih moden termasuk Super Puma, MI-17 dan EC-725 Cougar. Bagaimanapun, rancangan itu terpaksa ditangguhkan atas alasan kegawatan ekonomi dan ada perbelanjaan lain yang perlu diutamakan. Sementara itu, sumber memberitahu pesawat berkenaan dijadualkan diterima secara berperingkat menjelang akhir tahun ini dan akan digunakan secara optimum untuk tujuan kombatan, selain operasi mencari dan menyelamatkan (C-SAR).

Katanya, selepas meneliti beberapa model helikopter, kerajaan mendapati EC-725 Cougar paling sesuai digunakan pasukan tentera negara ini, bukan sekadar sebagai pesawat pengangkut tetapi untuk tujuan C-SAR. "Pembelian helikopter termoden dalam sirinya ini turut menepati misi kerajaan memodenkan aset pertahanan negara, sekali gus meningkatkan pencapaian ATM sebagai sebuah ketumbukan tentera disegani di peringkat serantau," katanya.

3 September 2009 (Khamis)

Phang lemah urus projek PKFZ: Azmi

Oleh S Anand Kumar anand@bharian.com.my

PAC dapati banyak amalan pengurusan tiada

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendapati, pengurusan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) di bawah bekas pengerusinya, Datin Paduka OC Phang amat lemah. Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata pada mesyuarat selama hampir lima jam itu, pihaknya mengajukan pelbagai soalan kepada Phang yang juga bekas Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan secara kesimpulannya, PAC mendapati amalan perniagaan seperti aliran tunai tidak disebut oleh pengurusan terbabit.

"Banyak amalan pengurusan projek yang sepatutnya ada... tiada. Walaupun pemaju atau kontraktor sudah menyiapkan projek berkenaan dengan cepat tetapi pengurusan kewangan amat lemah. "Secara asasnya, sesiapa yang tahu mengenai perniagaan, mesti ada bajet dan aliran tunai. Dari situ kita memantau pengurusan projek. Jika tiada aliran tunai ia seolah-olah kita berjalan dalam gelap. "Pengurusan di bawah Phang langsung tidak menyebut aliran tunai dan beliau tidak tahu apa yang PAC maksudkan sebagai aliran tunai," katanya pada sidang media di bangunan Parlimen, semalam.

Azmi turut mendakwa, wakil kerajaan dalam Lembaga Pengarah PKFZ juga didapati tidak mewakili kerajaan seperti sepatutnya kerana ada di antara mereka yang hadir pada mesyuarat lembaga pengarah projek berkenaan semata-mata untuk mewakili Ketua Setiausaha kementerian masing-masing. "Ini bermakna, wakil kerajaan juga tidak mengambil berat dan melepaskan saja kepada pengurusan. Pengurusan pula didapati ada kelemahan tertentu," katanya.

Katanya, sepanjang sesi mesyuarat itu, Phang memberikan kerjasama yang amat baik dan pihaknya akan turut meneliti beberapa perkara sebelum menyediakan laporan penuh PKFZ. "PAC menjangkakan proses memberi keterangan berhubung projek PKFZ akan selesai minggu ini dan laporan berhubungnya dijangka siap sepenuhnya bulan depan," katanya. Sementara itu, Azmi berkata, pada mesyuarat PAC hari ini, bekas Pengerusi LPK, Tan Sri Dr Ting Chew Peh dan Datuk Yap Pian Hon akan hadir untuk memberi keterangan.

5 September 2009 (Sabtu)

Polis beku akaun Kuala Dimensi

Oleh Ifwan Tun Tuah ifwan@bharian.com.my

Siasatan lanjut kontroversi kes PKFZ: Musa

KUALA LUMPUR: Polis membekukan beberapa akaun pemaju Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB), berkuat kuasa kelmarin bagi membolehkan siasatan berhubung skandal menyelubungi projek itu dijalankan. Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata pihaknya masih meneruskan siasatan lanjut mengenai kes berkenaan dan meminta semua pihak bersabar sehingga siasatan selesai. "Buat masa ini, kita membekukan beberapa akaun yang dianggap menjadi fakta penting dalam siasatan kes itu," katanya enggan mengulas lanjut mengenai kes itu kerana bimbang menjejaskan siasatan.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis penyerahan bungkusan Hari Raya PDRM 2009 di sini, semalam. Pada majlis sama, Persatuan Kebajikan Isteri Polis (Perkep) turut menyampaikan kuih raya serta bantuan kepada 10 keluarga balu polis yang hidup miskin dari seluruh negara. Difahamkan, jumlah keseluruhan akaun yang dibekukan itu ialah lebih RM140 juta dan perkara itu sudah dimaklumkan Musa kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KDSB, Datuk Faizal Abdullah, dalam satu kenyataan mengesahkan beberapa akaun syarikatnya dibekukan lewat petang kelmarin. "Ini sebahagian proses siasatan dan kami memberi kerjasama penuh kepada polis. "Dalam pada itu, KDSB ketika ini sedang mendapatkan nasihat perundangan mengenai arahan pembekuan akaun berkenaan," katanya.

5 September 2009 (Sabtu)

Pelaburan pertama Ekuinas dalam tempoh enam bulan

Oleh Ahmad Farizal Hajat ahmadfarizal@bharian.com.my

EKUITI Nasional Bhd (Ekuinas), institusi pelaburan ekuiti swasta ditubuhkan kerajaan bagi memastikan penyertaan lebih bermakna dan berkesan Bumiputera dalam perniagaan, akan membuat pelaburan pertamanya dalam tempoh enam bulan akan datang. Ketua Eksekutifnya, Abdul Rahman Ahmad, berkata sasaran pelaburan Ekuinas ialah syarikat tempatan yang kukuh, berdaya maju dan berpotensi berkembang. Beliau berkata, purata pelaburan dalam sesebuah syarikat ialah kira-kira RM50 juta dengan tempoh antara lima hingga tujuh tahun. "Cara kami memilih syarikat pelaburan adalah fleksibel. Apa yang kami lihat ialah syarikat itu mesti mempunyai rekod prestasi baik dan dapat meyakinkan kami

mengenai prospek perniagaannya,” katanya pada taklimat media mengenai hala tuju Ekuinas, di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda, serta dua daripada tiga ahli lembaga pengarahnya, iaitu Datuk Azman Yahya dan Tan Sri Mohamad Jawhar Hassan.

Abdul Rahman berkata, Ekuinas yang akan menguruskan dana permulaan RM500 juta yang kemudian ditingkatkan sehingga RM10 bilion turut menetapkan sasaran meraih pulangan dua angka bagi setiap pelaburannya. Ini, katanya, sejajar matlamat penubuhan Ekuinas untuk menjadi instrumen utama membantu meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pelbagai aktiviti ekonomi utama. Beliau menjelaskan, Ekuinas yang kini dalam proses merekrut pegawainya akan melabur dalam syarikat yang terbabit dalam semua industri kecuali perjudian, minuman keras serta sektor hartanah dan pembinaan. “Ekuinas tidak akan melabur dalam syarikat yang terbabit dalam hartanah dan pembinaan kerana kedua-dua sektor itu mampu menarik minat dana lain untuk melabur. “Secara amnya, Ekuinas akan terbabit dalam senario seperti mengambil alih pengurusan dan membantu syarikat menjana pertumbuhan dengan memberi tumpuan terhadap pembangunan modal insan berkeupayaan tinggi menguruskan syarikat berkenaan,” katanya.

Mengenai rangka kerja pelaburan institusi itu, Abdul Rahman berkata, ia akan dibahagikan kepada dua bentuk pelaburan, iaitu menerusi dana dalaman dan dana yang diperoleh daripada sumber luar. “Menerusi dana dalaman, iaitu yang diperuntukkan kerajaan, Ekuinas akan berfungsi membeli pegangan saham majoriti dalam sesebuah syarikat,” katanya sambil menambah dana sumber luar pula yang diperoleh hasil kerjasama dengan syarikat pelaburan asing akan digunakan bagi mengambil alih ekuiti minoriti. Sementara itu, Raja Arshad berkata, pembabitan Ekuinas bakal mewujudkan generasi baru syarikat terunggul Malaysia. Katanya, Ekuinas akan membekalkan modal institusi dan kemahiran pengurusan bagi membantu syarikat bersaiz sederhana mengembangkan perniagaan dan menjadi peneraju pasaran dalam tempoh lima tahun.

Beliau menegaskan, dengan membantu mewujudkan peneraju industri baru, peluang mengukuhkan ekuiti Bumiputera dalam bidang korporat serta kepakaran pengurusan akan bertambah. Raja Arshad berkata, Ekuinas akan turut membina kejayaan dengan menyokong usahawan yang telah menunjukkan prestasi menggalakkan dengan membantu membina syarikat mereka dengan mewujudkan pengurusan dengan ganjaran yang berdasarkan kepada prestasi, termasuk insentif berasaskan ekuiti. “Ekuinas juga akan menguruskan portfolio pelaburannya sendiri di samping membuat penyumberan luar sebahagian dananya kepada firma pelaburan ekuiti persendirian,” katanya sambil menambah institusi itu akan mengguna pakai tatacara amalan terbaik firma ekuiti swasta global.

6 September 2009 (Ahad)

Najib umum RM28j bina kuarters baru JKR

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan peruntukan RM28 juta membina kuarters Jabatan Kerja Raya (JKR) yang baru bagi menggantikan kuarters jabatan itu yang serba kekurangan dan berkeadaan usang di Batu 2 1/2 Jalan Cheras, dekat sini. Perdana Menteri yang melakukan lawatan mesra ke kuarters itu di sini, semalam, berkata sebanyak 120 unit kuarters baru JKR kelas G itu akan dibina di Batu 4 1/2 Jalan Sungai Besi, di sini yang dijangka siap dalam tempoh 30 bulan. "Baru-baru ini Menteri Kerjaraya, Datuk Shaziman (Abu Mansor) memaklumkan kepada saya mengenai kedudukan kakitangan JKR yang tinggal di dalam kuarters yang begitu buruk dan terhimpit kedudukan mereka.

"Jadi, beliau sendiri mencadangkan kepada saya untuk meninjau sendiri keadaan yang berlaku dan terpaksa dilalui setiap hari oleh kakitangan JKR dan hari ini saya datang meninjau," katanya yang juga Menteri Kewangan pada sidang media selepas meninjau keadaan kuarters berkenaan kira-kira setengah jam. Jun lalu, Shaziman yang membuat lawatan kerja ke kuarters JKR itu terkejut apabila melihat kediaman kakitangan jabatan itu serba kekurangan, berkeadaan usang dan saiz lebih kecil daripada rumah kos rendah. Shaziman juga tidak berpuas hati dengan persekitaran kuarters berkenaan yang membabitkan laluan antara tiga blok itu kerana kotor dengan longkang tersumbat, semak dan boleh menjadi sarang ular serta tikus. Kuarters berkenaan didiami kira-kira 50 keluarga yang menempatkan kakitangan Kumpulan Sokongan Dua, terdiri daripada pekerja bahagian pertukangan, tukang cat dan pemandu.

Najib berkata, pembinaan kuarters baru itu membabitkan dua blok setinggi lapan tingkat dengan setiap unit mempunyai keluasan 110 meter persegi, ruang tamu, ruang makan, dapur dan masing-masing dilengkapi dengan tiga bilik tidur dan bilik air. Perdana Menteri berkata, kuarters baru itu akan dilengkapi dengan 200 tempat letak kereta, taman permainan, tadika, surau dan dua gelanggang futsal. "Saya mengumumkan perkara ini kerana tindakan segera perlu diambil untuk membangunkan semula kuarters baru di kawasan baru yang sudah ditetapkan itu dan JKR akan memanggil tender sedikit masa lagi," katanya.

Ditanya mengenai kuarters yang berusia lebih 30 tahun itu, Najib berkata, keadaannya sangat daif dan tidak lagi sesuai untuk didiami dan ia akan dirobohkan selepas penghuni berpindah ke tempat baru. "Separuh daripadanya hanya mempunyai satu bilik saja yang kemudian ditambah sendiri oleh penghuni. JKR, dia buat bangunan dan jalan raya yang cantik untuk orang lain, tetapi kakitangan dia tertinggal sikit," katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, beliau akan meneruskan pendekatan tinjauan mesra ke semua tempat dan membabitkan semua golongan rakyat di negara ini. "Ini adalah pendekatan yang saya lihat amat sesuai dan bila saya buat tinjauan mesra ini, ia tidak terhad kepada melihat peniaga kecil ataupun bagi orang biasa tetapi juga kakitangan kerajaan juga," katanya.

7 September 2009 (Isnin)

Pemaju PKFZ bantah beku akaun

Oleh Anwar Hussin dan Nik Sukry Ramli bhnews@bharian.com.my

Kuala Dimensi kaji cabar tindakan polis jika ia cuma syak wasangka

KUALA LUMPUR: Syarikat pemaju Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn Bhd, akan mencabar tindakan polis membeku akaun banknya jika didapati ia dilakukan hanya berasaskan syak wasangka yang melampau. Timbalan Ketua Eksekutifnya, Datuk Faizal Abdullah, berkata panel peguam Kuala Dimensi kini sedang mengkaji tindakan polis itu sebelum sebarang keputusan dilakukan. "Kami akan memberi kerjasama yang penuh kepada polis dalam siasatan mereka kerana kami yakin tidak bersalah. Kami tidak akan mengganggu siasatan itu tetapi dalam masa sama kami mahu pastikan tindakan itu dilakukan bukan kerana tekanan mana-mana pihak. "Kami tidak mahu siasatan polis itu hanya berdasarkan syak wasangka yang melampau," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai tindakan polis membeku bank akaun Kuala Dimensi sejak Khamis lalu bagi membolehkan pihak polis menyiasat laporan salah guna kuasa dan tuntutan bayaran berlebihan yang dibuat oleh kontraktor berkenaan. Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata tindakan membekukan akaun bernilai RM140 juta itu turut dimaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Kuala Dimensi menjadi tumpuan baru-baru ini selepas ia didakwa mengenakan caj berlebihan terhadap Pelabuhan Klang bagi projek PKFZ, menyebabkan lembaga itu dan projek berkenaan menanggung kerugian.

Laporan audit mengenai projek itu baru-baru ini, yang dibuat atas arahan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat, turut menamakan Kuala Dimensi sebagai salah satu pihak yang dipersalahkan di atas kegagalan projek PKFZ itu. Faizal mendakwa Ong melakukan permainan kotor sehingga nama Kuala Dimensi tercemar dan dipandang serong oleh semua pihak. "Kami pernah memfailkan dua saman fitnah terhadap Ong kira-kira tiga bulan lalu dan beliau tidak pernah menjawabnya," katanya.

Beliau berkata, Kuala Dimensi berpegang kepada undang-undang dan berhak mendapat wang daripada PKFZ seperti yang dijanjikan. Sementara itu, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata, Suruhanjaya Siasatan Diraja akan ditubuhkan bagi menyiasat PKFZ sebaik semua siasatan yang sedang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selesai. Koh berkata, cadangan penubuhan suruhanjaya itu akan dikemukakan kepada Kabinet Rabu ini, selepas pasukan petugas khas bagi memantau perkembangan siasatan kes berkenaan membentangkan laporannya pada mesyuarat itu.

"Perkara ini kita kena ambil kira jika hasil siasatan dijalankan SPRM dan polis belum menunjukkan jalan penyelesaian yang diharapkan. Jadi, saya fikirkan perlu ditubuhkan

satu suruhanjaya bebas, seperti Suruhanjaya Siasatan Diraja. "Penubuhan suruhanjaya seperti ini bukan perkara baru, sebelum ini sudah ada beberapa suruhanjaya sama ditubuhkan sebagai jalan penyelesaian terbaik apabila hasil siasatan dijalankan itu menimbulkan kekeliruan dan keraguan di kalangan masyarakat," katanya kepada media selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) Selangor 2009 di sini semalam.

8 September 2009 (Selasa)

Musa perjas tindakan beku akaun Kuala Dimensi

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim jalal@bharian.com.my

Polis siasat laporan salah guna kuasa, tuntutan berlebihan

KUALA LUMPUR: Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata polis mempunyai sebab membekukan akaun bank syarikat pemaju Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn Bhd (Kuala Dimensi) bernilai RM140 juta berdasarkan siasatan dilakukan. Beliau menegaskan tindakan itu tiada kena mengena dengan campur tangan mana-mana pihak, sebaliknya dibuat atas kerana siasatan semata-mata. "Kita siasat sebab ada keterangan dan kita bekukan akaun syarikat itu sebab ada petunjuk yang memerlukan kita berbuat demikian, ini tiada kaitan politik," katanya di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan pihak pengurusan Kuala Dimensi mereka akan mencabar tindakan polis membeku akaun bank syarikat itu jika didapati ia dilakukan hanya berdasarkan syak wasangka yang melampau. Timbalan Ketua Eksekutifnya, Datuk Faizal Abdullah, dilaporkan berkata syarikat akan memberi kerja sama pada polis, tetapi pada masa sama mereka mahu pastikan tindakan itu dilakukan bukan kerana tekanan mana-mana pihak. Sehubungan itu, panel peguam syarikat terbabit kini mengkaji tindakan polis itu sebelum sebarang keputusan dilakukan.

Polis membeku bank akaun Kuala Dimensi sejak Khamis lalu bagi membolehkan pihak polis menyiasat laporan salah guna kuasa dan tuntutan bayaran berlebihan yang dibuat oleh kontraktor berkenaan. Kuala Dimensi menjadi tumpuan baru-baru ini selepas ia didakwa mengenakan caj berlebihan terhadap Pelabuhan Klang bagi projek PKFZ, menyebabkan lembaga itu dan projek berkenaan menanggung kerugian.

Musa berkata, polis sedia berhadapan sebarang tindakan yang mungkin diambil Kuala Dimensi terhadap pasukan itu berhubung pembekuan akaun bank terbabit. "Saya tidak mahu cakap banyak-banyak dalam surat khabar sebab kes itu sedang siasat. "Kalau mereka rasa tak puas hati, mereka boleh minta peguam mereka ambil tindakan melalui saluran betul tetapi saya tegaskan di sini kita hanya menjalankan siasatan. Saya sendiri pun belum lagi cakap siapa yang bersalah," katanya.